

27 NOV 1999

P/Raya-Shahnon (Fokus Berita)

SELEPAS KONTROVERSI BUKUNYA, SHAHNON TANDING PILIHAN RAYA

Oleh: Mohd Zahari Morad

SIK, 27 Nov (Bernama) -- Lakaran kartun dalam sebuah akhbar harian berbahasa Inggeris semalam memaparkan sekumpulan binatang dalam hutan di Sik menutup telinga mereka kerana Datuk Shahnon Ahmad berkempen di daerah itu.

Binatang rimba itu seperti tidak sanggup mendengar ceramah Sasterawan Negara itu kerana penuh dengan maki hamun dan perkataan mencarut.

Kartun itu jelas mempersendakan Shahnon, penulis novel kontroversi *Shit*, yang menerima kritikan hebat pelbagai pihak awal tahun ini kerana menggunakan perkataan lucu dan mencarut dalam novel itu.

Secara tidak langsung ia juga merupakan promosi percuma terhadap Shahnon, yang pada pilihan raya umum ke-10 ini muncul pula sebagai calon PAS untuk bertanding kerusi Parlimen Sik, percubaannya yang pertama dalam pilihan raya.

Bagi pelajar sastera di seluruh negara, nama Shahnon tidak payah diperkenalkan. Beberapa bukunya menjadi rujukan di sekolah sementara novel 'Ranjau Sepanjang Jalan' difilemkan.

Ura-ura beliau mahu bertanding telah lama kedengaran sejak beberapa bulan lepas. Semasa berceramah atas pentas PAS beliau menyatakan akan bertanding di kerusi Parlimen Sik.

Lawan beliau bukan sebarang, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mempertahankan kerusi itu buat kali ketiga. Tok Mid, panggilan masyarat setempat baginya, orang sederhana dan banyak membawa perubahan di Sik, kawasan pedalaman di Kedah yang suatu ketika dahulu dicengkam kemiskinan.

Tok Mid mengulas bahawa Shahnon silap memilih kem kerana sekiranya betul perjuangannya untuk rakyat Sik beliau harus berjuang bersama UMNO.

Beliau menyifatkan Shahnon sebagai seorang yang intelektual.

"Sekiranya beliau berjaya menawan Sik, apakah yang mampu dilakukan oleh beliau? Shahnon bukan seorang pentadbir," katanya.

Pada pilihan raya 1995 Abdul Hamid mengalahkan calon PAS Ali Taib dengan majoriti 2,134 undi. Terdapat seramai 33,070 pengundi yang layak mengundi pada Isnin ini di Sik dengan orang Melayu melebihi 90 peratus.

UMNO dan PAS dilihat sama gagah, sama popular.

Shahnon, 66, anak kelahiran pekan Sik, berkata beliau berjuang dalam politik demi memajukan rakyat Sik. Dalam konteks yang lebih besar, beliau mahu menukar kerajaan kerana beliau mendakwa kerajaan Barisan Nasional melakukan banyak penyelewengan.

"Saya berjuang bukan untuk mencari kekayaan, mengumpul harta. Dahulu saya berjuang melalui penulisan tetapi sekarang saya memilih jalan terbesar iaitu berjuang melalui politik," katanya.

Mengulas peluangnya menumpaskan ulama UMNO, Abdul Hamid Othman, beliau berkata berdasarkan sokongan penduduk Sik beliau yakin peluangnya adalah cerah.

Yang Dipertua PAS kawasan Sik, Harun Jusoh berkata, Shahnon diterima baik para penyokong PAS tetapi UMNO menggunakan penulisannya dalam buku *Shit* sebagai modal untuk mengkritik Shahnon.

Harun berkata, walaupun UMNO memberi imej yang buruk terhadap Shahnon, penyokong PAS tidak mepedulikan perkara berkenaan kerana beranggapan itu hanya propaganda UMNO.

"UMNO mahu melemahkan semangat orang PAS," kata Harun. PAS sepanjang kempen ini membawa isu menukar kerajaan dan menyerang Perdana Menteri Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad. Isu Anwar Ibrahim juga dibawa dengan harapan mendapat simpati.

Semasa ditemui selepas penamaan calon Sabtu lepas, Shahnnon menyatakan bahawa beliau tidak berapa sihat tetapi sepanjang minggu ini beliau dilaporkan sibuk berkempen dan menemui para pengundi.

UMNO sepanjang kempen mereka masih menggunakan isu pembangunan. Tidak dinafikan Abdul Hamid yang mewakili Sik sejak 1990 membawa banyak perubahan.

Sik sekarang mempunyai sebuah kilang elektronik yang memberi pekerjaan kepada 300 penduduk tempatan dan tidak lama lagi pembinaan Empangan Beris akan dimulakan.

Abdul Hamid berkata pembinaan empangan itu dapat mewujudkan industri pelancongan.

Begitu juga daripada segi pendidikan ramai anak Sik berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dan sebuah Institut Kemahiran Mara akan dibina di daerah itu.

Di atas kertas, agak sukar bagi Shahnnon menggugat Abdul Hamid.

-- BERNAMA

MZM MFJ AKD